

## **BOBOHIZAN DAN PERANANNYA DI KALANGAN MASYARAKAT KADAZAN DAERAH PENAMPANG, SABAH**

*Hanafi Hussin*

### **PENGENALAN**

Artikel ini akan membincangkan tentang *Bobohizan*<sup>1</sup> dan peranannya yang satu ketika dahulu penting dalam kehidupan seharian masyarakat Kadazan di daerah Penampang, Sabah. Masa kini peranan mereka sedang mengalami proses pelupusan dan hanya menjadi sebagai ikonografi warisan budaya masyarakat mereka. *Bobohizan* merupakan pengantara atau *spirit medium* juga dipanggil sebagai *shaman* yang satu ketika dahulu sangat dihormati dan disanjung. Penghormatan yang diberi kerana mereka berperanan utama sebagai penghubung di antara manusia dengan alam ghaib ataupun *supernatural* sama ada untuk menyejukkan dan memulihkan keadaan kepada normal apabila berlakunya ketidakseimbangan di antara dua alam ini.

Masyarakat Kadazan<sup>2</sup> menetap di daerah Penampang yang mempunyai lebih kurang 147,500 orang penduduk<sup>3</sup> dan terletak kira-kira 10 kilometer daripada bandar Kota Kinabalu iaitu ibu negeri Sabah. Kini daerah ini sedang dalam arus pembangunan yang pesat. Kebanyakan daripada masyarakat Kadazan Penampang telah pun memeluk agama Kristian dan terdapat sebilangan kecil yang memeluk agama Islam. Masyarakat Kadazan merupakan salah satu daripada kumpulan sub-etnik Kadazandusun<sup>4</sup> yang terbesar di negeri Sabah yang merangkumi 14 buah bahasa dan tidak termasuk dialek. Kebanyakan daripada mereka menetap di dataran pendalaman di Pantai Barat dan di Pesisiran Pantai Utara Sabah. Secara tradisi masyarakat ini mengamalkan penanaman padi sawah dan bukit yang juga menjadi asas kepada pembentukan sosiobudaya mereka. Suatu ketika dahulu masyarakat ini mengamalkan sistem kepercayaan agama yang kompleks khususnya kepercayaan animisme dan merupakan kelompok masyarakat yang mempraktikkan sistem "egalitarian" iaitu berpegang kepada konsep kesamarataan dalam kehidupan bermasyarakat dan mengelakkan daripada mengamalkan sistem masyarakat yang berstruktur atau yang mempunyai strata sosial.

*Bobohizan* kebiasaannya terdiri daripada kaum perempuan yang kebanyakannya telah lanjut usianya, berkahwin, beranak dan bercucu. Sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam, masyarakat Kadazan menganuti kepercayaan animisme yang percaya kepada kewujudan kuasa-kuasa ghaib di alam *supernatural* dan alam *natural*. Konsep kepercayaan dan amalan mereka adalah berasaskan bahawa setiap benda yang wujud termasuk manusia merupakan ciptaan tuhan mereka yang dipanggil sebagai *Minamangun*. Setiap ciptaan ini bernyawa atau dipanggil

sebagai *tusod-tusod* dan masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri. Manusia dan makhluk ciptaan *Minamangun* ini haruslah mengamalkan konsep kehidupan seharian yang seimbang dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain. Sekiranya konsep dan pegangan kehidupan ini tidak diendahkan pelbagai malapetaka akan berlaku kepada mereka. Keseimbangan kehidupan di antara manusia dan makhluk di alam ghaib selalunya diwujudkan dengan perlakuan-perlakuan ritual. Manusia melakukan ritual buat makhluk di alam ghaib dan sebagai balasannya makhluk di alam ghaib akan memastikan mereka tidak akan mengganggu kehidupan manusia. Dalam pelaksanaan setiap ritual di dalam kehidupan seharian ini, *Bobohizan* merupakan pelaksanaannya.

*Bobohizan* diperlukan untuk memulakan sesuatu upacara ritual. Mereka akan memberi nasihat tentang peraturan perjalanan upacara dan juga akan menjadi ketua kepada upacara yang dijalankan. Di dalam setiap masyarakat di dunia hal ini merupakan fenomena biasa yang menjadi salah satu teras di dalam kebudayaan mereka. Secara tradisinya, kebudayaan merupakan mengenai keseluruhan cara hidup yang termasuk di dalamnya adalah pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam dan kemungkinan-kemungkinan serta kebiasaan yang dipelajari oleh manusia sebagai ahli dalam masyarakat.<sup>5</sup> Institusi *Bobohizan*<sup>6</sup> boleh dikatakan sebagai teras kebudayaan masyarakat Kadazan tradisional kerana ianya menjadi amalan yang dikongsi bersama dalam masyarakat ini. *Bobohizan* dianggap mempunyai status sosial yang tertinggi yang boleh dicapai oleh wanita tradisional jika dibandingkan dengan lelaki yang hanya memonopoli kepimpinan di kampung. Setiap perkampungan masyarakat Kadazan tradisional seboleh-bolehnya mempunyai seseorang yang berkebolehan sebagai *Bobohizan* sebagai tempat untuk kelompoknya meminta bantuan dan khidmat nasihat berkaitan dengan kuasa supernatural. Institusi *Bobohizan* memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian masyarakat Kadazan kerana kebolehan mereka sebagai penghubung. Kedudukan ataupun status *Bobohizan* dalam sistem kepercayaan masyarakat ini boleh dikatakan sebagai pusat rujukan, pengetahuan dan sumber maklumat manusia berkaitan dengan alam ghaib. Sekiranya manusia mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan dan dihuraikan secara nyata, maka *Bobohizan* akan menjadi pusat rujukan yang paling ideal dan sesuai seperti yang digambarkan oleh Rita Lasimbang;

“The *Bobohizan* is indeed the main resource for indigenous information and knowledge. She leads in spiritual matters and in cultural affairs; bearing a great influence in the political system of the traditional Kadazan community. A ritual specialist, herbalist, therapist, consultant to the Village Head committee, a teacher of culture and *adat* (customs) and champion of women’s rights and needs, the *Bobohizan* is a pillar of cultural and customary truth” (Lasimbang, Rita, 2002: 2-3).<sup>7</sup>

Di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah amalan animisme dalam upacara keagamaan dan adat istiadat berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Secara umumnya masyarakat Kadazandusun tradisional percaya bahawa semangat padi merupakan inti pati di dalam kepercayaan tradisi mereka. Kepercayaan

ini mengisahkan *Tuhan Kinoingan*<sup>8</sup> dan isterinya *Suminundu* berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan sumber makanan bagi manusia yang dicipta oleh mereka. Oleh yang demikian, suatu hari *Suminundu* bermimpi bahawa bekalan makanan boleh diperolehi dengan mengorbankan anak perempuan kesayangan mereka. Daripada pengorbanan tersebut, bahagian isi daripada tubuh anak perempuan tersebut tumbuhnya pokok dan buah padi yang menjadi sumber makanan kepada manusia. Kepercayaan masyarakat Keadaan atas kejadian ini membuatkan mereka menghormati padi bukan sahaja sebagai sumber makanan dan rezeki malah ia merupakan sesuatu yang suci. Oleh itu semangat padi yang muncul juga dikatakan daripada roh anak perempuan tersebut.

Masyarakat Kadazandusun terus mempercayai tradisi ini dan diperturunkan kepada generasi yang lain oleh *institusi Bobohizan*. *Bobohizan* merupakan institusi yang menjadi penjaga dan penerus kepada tradisi ini hingga sekarang. *Bobohizan* yang merupakan institusi yang meneruskan kepercayaan tradisi ini telah menekankan kepentingan semangat padi yang lahir dari anak perempuan tersebut dan juga semangat-semangat yang lain wujud di dalam kehidupan manusia. Mereka ini seharusnya dijaga dengan baik dan sudah menjadi satu kemestian bagi mereka mengadakan upacara ritual untuk menjaga perhubungan ini. Jika tidak dilakukan, manusia akan ditimpa kecelakaan dan kesusahan seperti mendapat pelbagai penyakit, keadaan fizikal yang tidak elok dan keadaan sosial yang tidak tenteram. Oleh yang demikian, segala-galanya boleh ditawarkan dengan upacara dan ritual di mana keadaan akan kembali seperti biasa.

### **BOBOHIZAN, SHAMANISME, MANA DAN "SPIRIT MEDIUM"**

Terdapat pelbagai definisi, konsep dan panggilan untuk manusia yang menjadi *medium pengantara* yang berperanan untuk menghubungkan dunia alam nyata dengan alam ghaib. Antara istilah-istilah, definisi dan konsep yang diberikan seperti *shaman*, *Mana*, *spirit medium* dan lain-lain lagi. Konsep *Shaman* menurut Norazit Selat<sup>9</sup> merujuk kepada seorang pakar di dalam bidang magis dan agama. Secara umumnya, ia juga dikenali sebagai pawang dan bomoh. *Shaman* umumnya berfungsi dalam sesebuah masyarakat apabila peranannya diperlukan ketika berlakunya bencana, malapetaka atau kecelakaan. Sementara Arena Wati<sup>10</sup> dalam kajiannya terhadap sistem kepercayaan masyarakat Kadazandusun di Sabah menyatakan fungsi *Bobohizan* dengan fungsi *Shaman* adalah sama iaitu sebagai penghubung di antara manusia di alam nyata dengan alam ghaib.

Secara umumnya *Shaman* dikenal pasti mempunyai keupayaan untuk mengubati orang sakit dan melindungi masyarakatnya daripada ditimpa malapetaka melalui hubungannya dengan makhluk-makhluk halus dan ghaib. Hanya melalui ritual tertentu sahaja maka *Shaman* boleh mendapatkan pertolongan daripada kuasa supernatural yang membantunya. Biasanya apabila *Shaman* itu melakukan ritual, ia akan menurun dan tidak sedarkan diri seolah-olah dalam keadaan kerasukan. Pada masa inilah perhubungannya ataupun konteks dengan alam supernatural berlaku. *Shaman* juga dianggap sebagai seseorang yang mempunyai kesaktian yang dapat

berhubung dengan dunia kejiwaan, semangat dan tuhan serta mampu memasuki dunia lain apabila berada dalam kelupaan. Dan beliau juga merupakan seorang yang pada suatu masa dahulu dianggap sebagai seorang doktor, ketua agama, pekerja sosial dan mistik seperti yang terdapat di dalam definisi di bawah:-

“we can define a shaman as a person who is able to perceive the world of soul, spirits and gods, and who, in a state of ecstatic trance, is able to travel this other world, gaining special knowledge of the supernatural realm. He or she is ever alert to the intrinsic perils of human existence, of the magical forces that lie waiting to trap the unwary, or which give rise to disease, famine or misfortune”.<sup>11</sup> Shamans are at once doctors, priests, social workers and mystic. New age practitioners today use the word widely for persons who are thought to be in any sort of contact with spirits”.<sup>12</sup> In tribal cultures, the shaman is the ‘doctor of the soul’ for both the community and for individuals. He or she is concerned with the health-the spirit-of the community and with keeping alive the vision of who they and where they are going. The shaman’s primary task is to keep the people as a whole ‘in spirit’-inspired-and secondarily to assist any individual who suffers from loss of spirit/soul-who becomes, in modern day language, dispirited”.<sup>13</sup>

Berdasarkan definisi di atas, *Shaman* merupakan seorang yang mempunyai kuasa luar biasa yang sangat dihormati dan disanjung oleh masyarakat. Kewujudan kuasa luar biasa di dalam diri seseorang adalah sama dengan konsep *mana*. Konsep *mana* menurut Lucy Mair<sup>14</sup> digunakan di kepulauan Polynesia oleh mubaligh Kristian bagi kewujudan kuasa luar biasa di dalam diri seseorang. Kuasa luar biasa ini biasanya hanya boleh didapati di dalam diri ketua-ketua kaum sahaja ataupun binatang dan objek-objek tertentu. Bagi Linton<sup>15</sup>, makna yang paling hampir dengan *mana* ialah kuasa untuk mencapai ataupun menghasilkan sesuatu. Misalnya peralatan-peralatan yang dipunyai oleh *mana* di kepulauan Polynesia akan ditandakan sebagai kawasan larangan atau *taboo* kepada mereka.

*Mana* secara umumnya juga merujuk kepada anggapan yang diberikan oleh sesebuah kelompok itu terhadap seseorang. Misalnya di kepulauan Polynesia, *Mana* wujud di merata tempat dan akan digunakan melalui teknik tertentu oleh mereka yang berhak. *Mana* sebenarnya bersifat subjektif kerana tidak dapat dilihat oleh mata kasar melainkan setelah diaplikasikan oleh mereka yang berkebolehan menggunakannya. Mereka yang memiliki *mana* amat berbahaya kepada mereka yang tidak *bermana* atau mereka yang kurang *mananya*.<sup>16</sup>

Konsep *spirit medium* ataupun sebagai orang perantaraan pula telah digunakan oleh Appell<sup>17</sup> bagi menerangkan tentang individu dalam masyarakat Rungus tradisional<sup>18</sup> yang berkebolehan dalam hal sepersatuan. Konsep ini jika diaplikasikan kepada masyarakat Kadazandusun tradisional seseorang *spirit medium* mestilah tahu dan faham tentang keadaan alam *Supernatural* di mana hanya kaum wanita sahaja yang boleh menjadi perantaraan kerana mengikut kepercayaan, “jiwa” wanita lebih halus dan mudah berhubung dengan makhluk-makhluk di alam ghaib.

Di kalangan masyarakat tradisional di Sabah terdapat pelbagai istilah ataupun panggilan untuk para pakar dalam bidang upacara ritual. Gelaran ataupun panggilan ini berbeza-beza mengikut bahasa, dialek, kawasan dan lain lagi iaitu *Bobohizan* di daerah Penampang dan Papar, *Bobolian*,<sup>19</sup> *Babalian*<sup>20</sup>, *Bobolizan*,<sup>21</sup> *Tantagas*,<sup>22</sup> *Lumahon*<sup>23</sup>, *Bobogo*<sup>24</sup>, *Penyupi*,<sup>25</sup> *Mogogondi*<sup>26</sup> dan *Omboh*.<sup>27</sup>

Secara umumnya kesemua spesialis ritual ini terkenal dengan kepakaran dan kemahiran mereka masing-masing sebagai pengamal amalan, pengendali upacara keagamaan, perubatan, bidan tradisional, penasihat kepada adat resam tempatan dan kepercayaan, pekerjaan sosial dan mistik serta lain-lain. Spesialis ritual ini selalunya wujud untuk berkhidmat kepada masyarakat dan dipercayai sebagai perantara di antara manusia dan makhluk-makhluk di alam ghaib. Di antara tujuan perkhidmatan mereka adalah untuk mengurangkan penderitaan, kesengsaraan, mengelakkan berlakunya malapetaka, bencana, berkat, ketidaksuburan penghasilan pertanian atau kegagalan mengeluarkan hasil tanaman. Misalnya di dalam pertanian padi, semasa upacara ritual dijalankan, mereka akan memberi pujian, pujukan, memohon dan seterusnya menyajikan sajian kepada semangat padi dan lain-lain semangat jahat yang mengakibatkan padi menjadi sakit, tidak subur, di makan serangga, binatang dan sebagainya.<sup>28</sup>

## **BOBOHIZAN DI KALANGAN MASYARAKAT KADAZAN**

Konsep dan definisi *Bobohizan* di kalangan masyarakat Kadazan tradisional tidak jauh bezanya seperti mana yang dihuraikan di atas. Suatu ketika dahulu masyarakat Kadazan dipercayai bahawa alam *supernatural* hanya boleh ditembusi oleh *Bobohizan*. Masyarakat Kadazan tradisional dipercayai bahawa setiap sesuatu yang berlaku yang melanggar adat hanya dapat diperbaiki melalui formula pengimbangan keadaan. Keseimbangan perhubungan di antara manusia di alam nyata dengan semangat dan roh di alam ghaib boleh dilakukan dengan mengadakan upacara ritual. Justeru itu, di setiap hari kehidupan masyarakat terdapatnya pelbagai ritual yang disusun mengikut kalendar seperti perkahwinan, kematian, kelahiran, membina rumah baru, pertanian khas untuk penanaman padi, sakit dan sebagainya. Upacara ini haruslah dikendalikan oleh *Bobohizan* yang sememangnya dikenal pasti mempunyai kepakaran dalam bidang ini berdasarkan kebolehan mereka untuk menghubungi dunia fizikal dan dunia di alam ghaib. *Bobohizan* merupakan orang perantara ataupun *medium* yang kebanyakannya terdiri daripada wanita yang sudah lanjut usia mereka. Istilah *Bobohizan* adalah bererti mereka yang sangat arif dan pakar dalam melafazkan mantera yang dianggap sakral dan suci bagi pengamal kepercayaan ini. Dalam erti kata yang lain ianya bererti bersembahyang ataupun bertafakur untuk mendapatkan niat yang baik. Pada kebiasaannya mereka terdiri daripada kaum perempuan yang telah lanjut usianya.

Mereka dipercayai bahawa semua ciptaan Pencipta atau *Minamangun*<sup>29</sup> iaitu Tuhan *Kinoingan*<sup>30</sup> mempunyai nyawa juga mempunyai roh yang dipanggil *tusod-tusod*. Manakala selain *tusod-tusod* manusia juga mempunyai *divato/hamaak* ataupun kadangkala disebut sebagai *Koduduvo/sinduvan* iaitu semangat ataupun

roh. Roh dan semangat ini boleh lari daripada jasad mereka sama ada diambil oleh semangat jahat yang mengakibatkan mereka sakit, semasa kemalangan ataupun tidak dipelihara dan sebagainya. Kesemua ini hanya boleh diubah, diseimbangkan dan diperbaiki melalui pelbagai ritual yang dicipta oleh pencipta mereka dan diperturunkan kepada nenek-moyang mereka sehinggalah mereka menjadi *Bobohizan*.

Suatu ketika dahulu pengamalan ritual ini dilakukan menurut urutan secara pusingan yang di kalender mengikut putaran bulan. Kehidupan seharian mereka sama ada yang ada kaitan dengan pertanian, rumah, alam semesta dan alam ghaib dan lain-lain lagi mempunyai ritual tertentu dilakukan untuk tujuan pengimbangan yang dikendalikan oleh *Bobohizan*. Secara ringkasnya tugas sebagai *Bobohizan* dalam masyarakat Kadazan tradisional kebanyakan dikuasai oleh kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki. Lelaki dan wanita boleh menjadi spesialis ritual. Namun di kalangan masyarakat Kadazan, wanita menjadi rujukan utama di dalam ritual seperti yang dinyatakan oleh Thomas Rhys William iaitu;

“Ritual specialists are important persons in a Dusun community. Both men and women may be specialists; the female specialist often is termed “a person knowing the rituals” while the male specialist usually is called “one who knows”.<sup>31</sup>

Menurut Inai Losimin seorang *Bobohizan*<sup>32</sup> daripada Kampung Kitauu Penampang, jawatan tertinggi yang dipegang oleh kaum wanita sebagai *Bobohizan* manakala kaum lelaki biasanya memikul tugas sebagai *osukod*<sup>33</sup> ataupun sebagai ketua dalam masyarakatnya. Kurangnya kaum lelaki berbanding dengan kaum wanita yang menjadi *Bobohizan* dalam masyarakat Kadazan, disebabkan kaum lelaki tidak mudah mengalami *rundukan* atau *kelupaan (trance)* untuk memudahkannya berhubung dengan kuasa *supernatural*. Walaupun terdapat kaum lelaki yang tahu menuturkan *inait*<sup>34</sup> tetapi kebanyakannya mereka hanya menjalankan peranan-peranan dalam ritual yang kecil dan mudah seperti *mangatod*<sup>35</sup> atau sebagai *Kinambo* (pembantu) ketika melaksanakan upacara ritual.

*Bobohizan* pada zaman dahulu dianggap sebagai satu profesion yang paling mulia dan sakral. Keinginan seseorang untuk menjadi *Bobohizan* juga dianggap sebagai seorang yang mempunyai keupayaan yang tinggi kerana ia satu bidang kepakaran yang tinggi risikonya. Secara ideal seseorang yang bergelar *Bobohizan* dalam masyarakat Kadazan tradisional perlulah mengetahui segala mantera dan menghafalnya untuk memudahkan mereka berada dalam keadaan kelupaan dan dengan itu akan dapat menguasai upacara ritual yang dijalankan. Adalah dipercayai bahawa *Bobohizan* akan bertembung dengan segala roh, syaitan dan makhluk-makhluk alam ghaib ketika melakukan upacara ritual. Kepandaian dan kepakaran seseorang *Bobohizan* boleh diuji melalui penguasaannya untuk mendapat bantuan daripada *divato*<sup>36</sup> iaitu pembantunya daripada alam ghaib. *Bobohizan* yang dianggap sebagai *medium* dalam membantu menghubungkan manusia dengan alam supernatural iaitu melalui *inait* atau *rinait* dan bantuan *divato* sahaja. Dari segi

realitinya *Bobohizan* bukanlah pembuat keputusan yang muktamad misalnya untuk menyembuhkan penyakit anggota masyarakat. Pada dasarnya *Bobohizan* hanya menyampaikan permintaan niat ataupun hasrat seseorang yang meminta perkhidmatan mereka dan juga masyarakat tetapi terpulang kepada kuasa-kuasa di alam ghaib ataupun *supernatural* untuk menentukan keputusannya. Makhluk di alam ghaib akan bertindak menyembuhkan atau memulihkan keadaan seperti yang dipinta oleh *Bobohizan* tersebut bergantung juga kepada proses ritual dan peralatan-peralatan yang ritual yang disediakan. Jika proses ritual dijalankan tidak mengikut kaedah yang ditentukan dan juga peralatan ritual khususnya jamuan dan sajian buat semangat tidak disediakan dengan teratur maka segala permintaan *Bobohizan* tersebut tidak akan ditunai. Oleh yang demikian kejayaan sesuatu permintaan bergantung ke atas kepakaran seseorang *Bobohizan* itu.

Oleh yang demikian *Bobohizan* dan *institusi Bobohizan* merupakan orang biasa yang boleh berhubung dengan kuasa *supernatural*. Mereka juga tidak boleh dikatakan sebagai kuasa *supernatural* kerana institusi ini sebenarnya terdiri dari kalangan manusia biasa yang memiliki kebolehan berdasarkan pembelajarannya. Apa yang mengaitkan institusi ini dengan alam *supernatural* ialah kebolehannya berhubung dengan alam *supernatural* yang membantunya menyampaikan segala bentuk permintaan kepada *Minamangun*. Selain itu, ia boleh mewujudkan satu keadaan yang harmoni antara kuasa *supernatural* dan manusia biasa.

## **ASAL-USUL BOBOHIZAN**

Di kalangan masyarakat tradisional Kadazan terdapat pelbagai kepercayaan mengenai asal-usul *Bobohizan* yang mana ianya dikaitkan dengan Pencipta mereka. Pada dasarnya suatu ketika dahulu kepercayaan ini telah diterima secara umumnya oleh masyarakat ini yang dianggap paling sakral. Menurut Firth<sup>37</sup> pengantara antara manusia di alam nyata dan kuasa-kuasa di alam ghaib merupakan fenomena sejagat dan telah wujud sejak manusia hidup bermasyarakat. Ringkasnya, kewujudan magis, pemujaan ritual dan sebagainya merupakan fenomena yang sedia wujud di dalam kumpulan masyarakat tertentu. Di antaranya adalah daripada cerita-cerita legenda iaitu institusi *Bobohizan* dipercayai berasal daripada Pencipta di mana isteri kepada *Kinoingan* merupakan *Bobohizan* yang pertama.

Selain daripada itu terdapat juga beberapa versi lain yang menceritakan tentang asal-usul *Bobohizan* dalam masyarakat Kadazan tradisional. Manakala dalam cerita mitos juga ada menyatakan bahawa satu-satunya anak Pencipta yang dikorbankan itu juga merupakan seorang *Bobohizan* di mana semasa hidupnya di bumi beliau membantu manusia ciptaan mereka. Sumber ini merupakan satu bentuk cerita dongeng orang tua-tuan yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi secara lisan. Oleh kisah-kisah mitos dan legenda seumpama ini telah mengukuhkan kepercayaan masyarakat Kadazan tradisional bahawa *Bobohizan* itu sebenarnya mempunyai latar belakang yang luar biasa yang dikaitkan dengan tuhan pencipta. Asal-usul *Bobohizan* ini juga sekali gus menerangkan sumber dan jenis *rinait* yang dimiliki dan dipraktikkan oleh mereka.

Ada juga yang mengatakan bahawa *Bobohizan* yang pertama berasal daripada sebuah pokok besar yang di panggil *Nunuk Ragang* iaitu sebuah pokok kayu ara merah yang juga mengisahkan asal-usul suku kaum Kadazandusun. Mitos ini mengisahkan perpindahan beramai-ramai suku kaum ini dan di antara yang berhijrah ke merata-rata tempat adalah anak murid *Bobohizan* yang pertama di *Nunuk Ragang* yang bernama *Sobuti* dan *Masangga*. Kedua-dua mereka telah sampai ke dataran Penampang dan menetap di situ. Sebelum mereka berhijrah guru mereka memberikan mereka hadiah iaitu *Sobuti* diberikan seekor ayam putih dan *Masangga* pula diberikan seekor ayam berwarna hitam. Semasa mereka melakukan upacara ritual tanpa disedari mereka telah bertukar ayam-ayam tersebut di mana *Masangga* mendapat ayam putih *Sobuti* mendapat ayam hitam. Ini menjadikan menjadikan *Masangga* lebih mahir dan berkuasa serta lebih hebat daripada *Sobuti*. Berdasarkan kejadian inilah menjadikan *Masangga* sebagai *Bobohizan* yang disegani yang di panggil *humpitas* ataupun yang termahir dan disegani di dalam mengendalikan upacara ritual dan perubatan tradisional yang pertama di daerah Penampang. Keturunan *Masangga* ini dipercayai telah menurunkan ilmu kepakaran *Bobohizan* bagi kategori *Tanga 'ah*.<sup>38</sup>

Ada juga yang menyatakan kononnya asal-usul *Bobohizan* adalah diperturunkan melalui seorang wanita tua yang lanjut usianya di mana beliau telah diajar dan diwahyukan manteranya oleh makhluk halus dari keturunan dewa-dewi yang dikenali sebagai *tumohong*. Pada mulanya makhluk halus ini telah berkawan dengan seorang perempuan cantik yang sedang menanam padi bukit lalu mengajar beliau untuk melafazkan mantera untuk pelbagai ritual sehinggalah beliau dapat menghayati dan mengingati kesemua mantera tersebut. Mantera ini telah diperturunkan kepada wanita tua tadi dan seterusnya hingga ke generasi *Bobohizan* yang ada kini.

Masyarakat Kadazan tradisional mempercayai bahawa para *Bobohizan* dahulu sangat kuat dan mempunyai kuasa yang luar biasa seperti boleh terbang dan melompat ke atas pokok yang tinggi semasa melakukan upacara ritual. Mereka juga dapat menari tarian *sumazau*<sup>39</sup> dengan lebih baik dan kelihatan dalam proses dirasuk dengan alam ghaib sehinggalah melakukan perkara-perkara yang dianggap sebagai magis. Mereka yang boleh melakukan perkara-perkara yang luar biasa ini dianggap sebagai *Bobohizan humpitas (Bohungkitas)*<sup>40</sup> ataupun yang lebih pandai dan terkenal dengan kuasa-kuasanya.

## **PROSES PEMBELAJARAN DAN KEPAKARAN BOBOHIZAN**

Di kalangan masyarakat Kadazan tradisional dahulunya profesion untuk menjadi seorang *Bobohizan* merupakan sesuatu yang mulia dan disanjung oleh semua lapisan masyarakat. Ini kerana pembelajaran dan proses-proses untuk menjadi seseorang *Bobohizan* adalah sangat rumit dan kompleks kerana ianya melibatkan kewibawaan dan kekuatan mental dan kerohanian seseorang. Di daerah Penampang sektor pembelajaran dan penjenisan *Bobohizan* juga diambil kira kerana masyarakat ini terbahagi kepada tiga kumpulan yang besar dan ini juga mempengaruhi *institusi*



*Bobohizan* tersebut di mana mereka turut dibahagikan kepada jenis-jenis seperti berikut:

- i) *Potiang* - Mewakili bahagian pendalaman dan kawasan bukit daerah Penampang
- ii) *Tanga'ah* - Mewakili bahagian dataran yang kurang pembangunan dan berhampiran dengan kawasan bukit
- iii) *Kadazan* - Mewakili kawasan dataran yang penuh dengan penanaman Padi sawah dan berhampiran dengan pusat bandar

Ketiga-tiga kumpulan ataupun penjenisan ini dapat dikenal pasti melalui kaedah dan cara pengendalian upacara ritual yang melibatkan dialek, penggunaan peralatan-peralatan, tumbuh-tumbuhan, proses ritual, tingkat kemampuan untuk mengendalikan pelbagai ritual seperti mengubati orang gila dan sakit serta lain-lain lagi. Menurut mereka lagi mantera yang digunakan adalah berbeza dan juga penjenisan sajian untuk dihidangkan juga berbeza daripada satu ritual ke ritual yang lain. Walau bagaimanapun mereka mempercayai kumpulan daripada *Potiang* dan *Tanga'ah* dapat melaksanakan upacara ritual serentak yang di panggil *sopihang*.<sup>41</sup> Walau bagaimanapun kedua-dua kumpulan ini tidak dapat bekerjasama dengan kumpulan *Kadazan* kerana terdapatnya cara yang berbeza sama ada dari segi dialek, mantera dan lain-lain lagi. Salah satu contoh yang ketara dalam mantera *Tanga'ah* ada menyebutkan tentang perahu untuk pengangkutan mereka ke alam ghaib di mana perahu ini di sebut sebagai *sakazan*, *banava* ataupun *hazagan*<sup>42</sup> sama dengan perahu *Kadazan* tetapi perahu *Tanga'ah* lebih besar dan perahu *Kadazan* lebih kecil. Kadangkala perahu-perahu yang dimaksudkan melalui mantera ini kononnya akan berlanggar apabila berada di atas langit. Ini bermakna sekiranya ada kumpulan *Bobohizan* daripada *Tanga'ah* melakukan upacara ritual maka kumpulan daripada *Kadazan* enggan melakukan upacara tersebut berdekatan dengan tempat tersebut.

Jika seorang pelajar berminat untuk menjadi *Bobohizan* pada asasnya dimulai dengan mencari guru dan diikuti dengan proses memohon kebenaran dimulakan. Kebiasaannya, seseorang murid baru akan menjadi *Bobohizan* berdasarkan keturunan, minat, terpaksa (kerana diperturunkan kepada mereka), ada panggilan daripada Pencipta mereka dan lain-lain lagi. Guru yang dipilih di kawasan mereka dan perlantikan adalah berdasarkan kepada berdasarkan kepada kepandaian, kepakaran dan populariti ataupun yang lebih tua. Kadangkala profesion ini diperturunkan daripada emak kepada anak ataupun daripada nenek kepada cucu dan saudara-mara. Kebiasaannya seseorang murid yang mempelajari ilmu *Bobohizan* di waktu usia muda seawal umur 7 tahun berdasarkan dan faktor utama yang mendorongnya adalah minat dan galakkan daripada ibu bapa. Manakala guru ataupun *Bobohizan* yang mengajar adalah terdiri daripada mereka yang bergelar *Bohungkitas* dan akan mengambil pelajar seramai 2 hingga 8 orang murid dan ianya tertakluk kepada kemampuannya untuk meluangkan masa untuk mengajar.

Setiap murid dikenakan bayaran upah atau *sogit* dalam bentuk beras satu cawan khususnya untuk proses permulaan pembelajaran yang dipanggil *Manangob*.

Manakala di peringkat akhir pembelajaran, murid ini juga akan dikenakan *sogit* sekali lagi. *Sogit* yang dilaksanakan ini seperti ikatan sebagai penghayatan keagamaan di antara guru dan murid. Jangka masa pembelajaran adalah panjang tertakluk kepada kebolehan dan kemampuan murid itu sendiri dan latihan serta keupayaan untuk menghafal mantera ataupun *inait* yang dipelajari. Masa untuk mempelajarinya juga bergantung kepada disiplin seseorang pelajar dan selalunya guru mereka akan menguji murid-murid dari masa ke semasa dan ini termasuklah ujian secara praktikal.

Manakala pelajar baru ataupun aprentis harus menurut apa saja kehendak dan keperluan yang diminta oleh guru mereka dan harus mematuhi segala pantang-larang dan undang-undang yang diperintah olehnya. Pada dasarnya pembelajaran dimulakan dengan kelas-kelas menghafal mantera yang hanya diajar pada waktu malam dan dilakukan di rumah guru mereka. Seseorang murid seharusnya mempunyai daya ingatan yang kuat, pendengaran yang jelas dan mudah memahami proses-proses pembelajaran. Setiap proses pembelajaran adalah dikategorikan seperti berikut:

- a. *Ingau* - Dikategorikan sebagai asas ataupun akar kepada pembelajaran mantera.
- b. *Kalou* - Memanggil pembantu Bobohizan dari atas langit.
- c. *Divato* - Menghafal konsep dunia alam ghaib di atas langit.
- d. *Modsopi* - Mengubati orang sakit tenat.
- e. *Dimpunan* - Menghafal konsep dunia alam ghaib di bumi.
- f. *Siningkungan* - Proses untuk menawar dan mengawal Semangat di alam Ghaib.
- g. *Pongusangan* - Membuang penyakit, malapetaka dan memulihkan keadaan jadi normal.
- f. *Modsu'ut* - Peringkat tertinggi yang dilaksanakan pada waktu malam untuk berhubungan dengan Roh-roh di alam ghaib dalam keadaan boleh dirasuk dan berlakunya kesatuan di antara *Bobohizan* dan semangat-semangat serta roh-roh di alam ghaib.
- g. *Momohizan* - Bersedia untuk mengendalikan upacara ritual.

Kebiasaannya pembelajaran ini akan memakan masa yang lama sehingga lebih tujuh tahun di mana para *Bobohizan* yang baru perlu menghafal kesemua mantera yang dianggap sakral dan harus dihayati dengan sepenuhnya tanpa sebarang kesalahan. Sekiranya seseorang salah hafal dan melafazkannya boleh menyebabkan menjadi sakit dan tidak akan mencapai mutu tertinggi iaitu anugerah daripada *susukod* iaitu semangat baik yang berperanan menjaga para *Bobohizan*. Di antara penjaga-penjaga ataupun *guidance angel* mereka adalah *Sumisi*, *Buazo*, *zonzulai* dan

*Kondi* yang dipercayai tinggal di atas awan atau *savat*.<sup>43</sup>

Sekiranya seseorang *Bobohizan* telah lulus dan diiktiraf oleh gurunya maka murid akan membayar sekali lagi *sogit* ataupun pampasan sebagai penyejuk dan menguatkan lagi semangat si pelajar tentang apa sahaja yang dipelajari olehnya. Pembayaran pampasan adalah dalam bentuk seekor khinzir besar, sebilah pedang, sehelai kain sarung, sehelai baju blaus berlengan panjang warna hitam dan sejumlah wang mengikut kerelaan hati. Pembayaran ini diberikan selepas sahaja murid dapat menguasai mantera untuk berjumpa dengan roh-roh manusia yang telah meninggal bersemadi iaitu di gunung Kinabalu dan *Dahom tana* (kawasan dalam tanah di bumi) ataupun *Pangasaban*, (tempat roh orang yang telah meninggal bersemadi) iaitu di dalam kubur. Proses untuk pergi ke kawasan ini di anggap paling penting dan bahaya. Sekiranya seseorang pelajar baru mampu mengendalikan upacara ini maka mereka dianggap telah berjaya dan lulus untuk menjadi seorang *Bobohizan*. Jika seseorang pelajar lulus, ianya sendiri dapat merasainya melalui mimpi yang juga sebagai faktor penentu kepada kebolehan dan kedudukan seseorang pelajar untuk menjadi seorang *Bobohizan* yang bertauliah. Mereka akan dikurniakan dengan mimpi seperti diberikan manik-manik lama oleh seorang nenek tua, dapat mendaki gunung yang tinggi, menyeberang sungai yang luas, melintasi hutan belantara dengan mudah dan sebagainya. Selepas sahaja bermimpi kemampuan pelajar akan menjadi lebih baik dan berjaya melakukan pelbagai upacara ritual tanpa sebarang gangguan dan berkesan.

## SEGMENT-SEGMENT RITUAL

Menurut Koentjaraningrat<sup>44</sup> sesuatu upacara keagamaan ritual selalunya dibahagi kepada beberapa segmen yang penting di antaranya seperti bersaji, berkorban, berdoa, makan bersama, menari dan menyanyi, berprosesi, memainkan seni drama, berpuasa, mabuk (*intoxication*), bertapa dan bersemadi. Kesemua segmen ini memainkan peranan penting dalam sesuatu upacara ritual. Di kalangan masyarakat Kadazan tradisional untuk melakukan upacara ritual beberapa unsur penting perlu dilakukan supaya ketertiban di dalam melaksanakan ritual akan terpelihara iaitu:

i) *Magambi* (Memanggil ataupun menjemput)

Proses klien berjumpa dengan *bobohizan* dan menyampaikan tujuannya.

ii) *Susukod* (Pengantara)

Proses *Bobohizan* bertanya dengan *komboungoh* apa niat dan perlu dilakukan berdasarkan permintaan kliennya.

iii) *Modihin* (Berpantang ataupun berpuasa)

Sebelum sesuatu upacara dilakukan *Bobohizan* akan berpuasa tertakluk kepada jenis ritual yang akan dilakukan.

iv) *Kinotudongoh* (Permulaan)

Acara ritual akan bermula di mana klien akan menjemput *Bobohizan* bersama dengan pembantu-pembantunya (jika perlu) ke rumah klien dan acara ritual akan bermula. Di sini klien akan menyediakan semua bahan-bahan dan peralatan keperluan untuk upacara termasuklah makan-minum. Manakala para *Bobohizan* akan menyediakan dan membawa segala alat-alat keperluannya sendiri ke rumah klien.

v) *Momu'inait* (Berdoa ataupun melafazkan mantera)

*Bobohizan* akan memulakan proses melafazkan mantera dengan menggunakan *komboungoh*<sup>45</sup> sebagai pengantara untuk memanggil penolong-penolongnya daripada alam ghaib dan pembantu ini tertakluk kepada penjenisan ritual.

vi) *Pamantah* (Penyediaan ataupun memperagakan peralatan ritual)

Ini merupakan penyediaan peralatan-peralatan ritual (*ritual paraphernalia*) seperti gendang, gong, tumbuh-tumbuhan yang sakral, padi, beras, pakaian klien, pedang, *kinokondiu* (diperbuat daripada batang rumbia dan bulu ayam, seolah-olah seekor burung helang), binatang-binatang yang hidup dan telah dikorbankan dan lain-lain lagi.

vii) *Sajian*

Persediaan segala bahan-bahan sajian sama ada dalam bentuk minuman keras tradisi yang dipanggil *tapai*, *lihing*, *montoku* (diperbuat daripada beras) dan *bahar* (diperbuat daripada air kelapa), binatang seperti ayam dan khinzir yang dikorbankan dan telah dimasak dan lain-lain lagi. Kesemua bahan-bahan sajian ini akan ditempatkan di tempat khas atas persetujuan *Bobohizan*.

viii) *Momudivato* (Acara permulaan ritual untuk memanggil semangat baik daripada atas sebagai pembantu mereka)

Di segmen ini terlebih dahulu para *Bobohizan* akan memakai pakaian lengkap mereka selepas sahaja makan, berehat sebentar dan memakan sirih. Proses dimulakan dengan pembahagian mantera di antara ketua *Bobohizan* dan pembantunya. Kemudian masing-masing akan melafazkan mantera sama ada menggunakan *sindavang*<sup>46</sup> ataupun loceng. Pembahagian mantera adalah berdasarkan kepada keperluan ritual yang diminta oleh klien mereka. *Momudivato* merupakan segmen ritual di mana para *Bobohizan* akan memanggil pembantu mereka iaitu para semangat daripada bahagian atas iaitu *savat* sebagai penjaga dan pembantu mereka apabila melakukan ritual. Di bahagian ini juga ada segmen-segmen memberi sajian kepada makhluk-makhluk yang menjadi fokus kepada ritual, berpindah-pindah posisi sambil melafazkan mantera, memalu gendang, menari tarian *sumazau* dengan iringan paluan orkestra gong, makan bersama dengan makhluk, proses berkomunikasi dengan makhluk-makhluk dan keadaan dirasuk dan kadangkala mabuk, mengorbankan binatang seperti ayam dan khinzir. Proses berinteraksi di alam ghaib yang di panggil *modsuut* akan dilakukan pada subuh kira-kira jam 3 pagi dan dipercayai dalam keadaan kerasukan kerana berada di alam ghaib.

ix) Pembayaran *sogit* (pembayaran upah) kepada *Bobohizan*

Selepas ke semua proses-proses upacara ritual dilaksanakan dengan jayanya maka klien akan membayar para *Bobohizan* mengikut tradisi di mana keputusan akan ditentukan oleh ketua *Bobohizan*. Kebiasaannya pembayaran adalah dalam bentuk beras, padi, kain sarung, parang, ayam yang sudah dikorbankan dan yang masih hidup, daging khinzir (jika ada), duit (mengikut ringan hati klien), mangkuk kaca yang boleh diganti dengan wang, duit syiling yang dipanggil *pomukodou*<sup>47</sup> ataupun untuk memudaratkan lagi tujuan ritual dan lain-lain lagi. Pembayaran ini berbeza-beza berdasarkan kepada upacara ritual yang dilakukan.

### **KELENGKAPAN BOBOHIZAN UNTUK RITUAL (RITUAL PARAPHERNALIA)**

Semasa melakukan upacara ritual adalah menjadi satu kemestian bagi seseorang *Bobohizan* untuk menggunakan pelbagai peralatan di sepanjang upacara. Peralatan-peralatan ini di anggap paling sakral dan mempunyai kuasa tertentu yang dapat membantu menjayakan dan melicinkan proses pelaksanaan upacara ritual ini. Peralatan-peralatan ini terdiri daripada pelbagai jenis sama ada dalam bentuk pakaian tradisi yang lengkap, loceng, keping besi, kayu, batang bambu, alat-alat muzik seperti gong, gendang, tumbuh-tumbuhan, manik dan sebagainya. Menurut kepercayaan mereka alat-alat ini telah digunakan sejak zaman nenek-moyang mereka lagi dan diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Setiap alat-alat ritual yang dianggap sakral ini mempunyai kuasa yang dapat membantu mereka melaksanakan upacara dengan lebih licin, teratur dan berkesan lagi. Jika alat-alat ini disimpan lebih lama ia mempunyai kuasa yang lebih kuat ataupun di panggil *osundu* iaitu dalam erti kata lain paling berkuasa. Setiap kali mereka melakukan upacara alat-alat ini dapat mempercepat dan menjayakan upacara tanpa sebarang gangguan.

Menurut kepercayaan masyarakat Kadazan peralatan-peralatan ini diwarisi sebagai pusaka dan mempunyai nilai yang tinggi dan sakral kerana cara penggunaannya. Setiap kali objek ini digunakan kuasa-kuasanya akan dicaj dan menjadi lebih kuat lagi. Secara langsung peralatan-peralatan ini akan dapat menakutkan kuasa-kuasa jahat di alam ghaib dan dianggap sebagai "conduit"<sup>48</sup> kepada Pencipta mereka iaitu *Minamangun*. Peralatan-peralatan ini juga dipercayai mempunyai semangat yang menetap di situ dan setiap kali ritual dijalankan ianya akan dibangunkan melalui perlafazan mantera yang khas. Ada juga dipercayai kononnya semangat-semangat khas untuk objek ini kadangkala akan berpindah ke atas langit bersama-sama dengan pencipta mereka dan hanya akan kembali ke dalam objek tersebut setelah dipanggil untuk membantu menjalankan upacara ritual.

Ada juga yang menganggap bahawa kononnya peralatan-peralatan ini hanyalah dijadikan sebagai simbolisme sahaja dan yang memberi kuasa kepada pengendalian upacara ini adalah melalui mantera yang dilafazkan oleh *Bobohizan*. Objek-objek ini hanya mempunyai peranan sebagai pelengkap kepada upacara dan untuk menunjuk-nunjuk kepada makhluk-makhluk di alam ghaib. Berikut merupakan peralatan-peralatan yang telah dikenal pasti yang sering kali digunakan oleh

*Bobohizan:*

i) *Komboungoh*

Alat ini dianggap paling berguna dan penting kepada *Bobohizan* khususnya semasa melakukan upacara ritual dan ia menjadi satu kemestian mempunyai *komboungoh* ini. Alat ini dianggap paling sakral kerana ianya dicipta khas oleh Pencipta mereka untuk membantu para *Bobohizan* mengendalikan upacara ritual dengan jayanya. Alat ini merupakan sejenis tumbuhan yang dipanggil *Acerrmus Calamus* dan dipotong batangnya dan dihiris seperti kepingan manik. Kemudiannya dijemur dan dijadikan rantai-rantai dan disertai dengan manik-manik antik, gigi binatang seperti burung, monyet, siput dan lain-lain lagi. Semua rantai ini kemudiannya diikat dan kadangkala sebuah tajau kecil jenis antik akan diikat bersama-sama dengannya. Semasa melakukan sesuatu upacara ritual, *komboungoh* ini akan disangkut pada lengan kanan *Bobohizan* sebagai sebahagian daripada perlatan yang wajib digunakan. Setiap kali *Bobohizan* ingin melakukan upacara maka beliau akan melafazkan mantra khasnya untuk menghidupkan semangat *komboungoh*. Adalah dipercayai semangat ini akan bangun dan datang daripada *hibabou*<sup>49</sup> iaitu dari kawasan Pencipta mereka menetap.

ii) *Sindavang*

Ia merupakan objek yang diperbuat daripada kepingan-kepingan tembaga yang dijadikan sebagai loceng. Ia mempunyai lubang dan kemudiannya diikat dengan menggunakan tali dan disatukan dan diikat semula kepada tangkai yang diperbuat daripada tulang labi-labi atau tulang khinzir. Alat ini dipercayai berfungsi sebagai loceng untuk menakut-nakutkan semangat yang jahat setiap kali *Bobohizan* melakukan upacara ritual. Setiap kali *Bobohizan* melakukan upacara ritual, *sindavang* ini akan dibunyikan sambil melafazkan mantra yang bertujuan untuk menarik perhatian semangat yang dipanggil ke tempat upacara tersebut bagi menerima jamuan yang dihidangkan semasa melakukan upacara ritual.

iii) *Air dan tumbuh-tumbuhan yang dianggap sakral*

Air memainkan peranan yang utama di dalam sesuatu ritual yang dilakukan oleh *Bobohizan*. Air yang digunakan oleh *Bobohizan* merupakan air yang dikhaskan di mana ia dianggap sebagai air yang sakral dan suci untuk menyuci dan mengubati penyakit, namun tindakan ini dianggap sebagai simbolisme sahaja. Penggunaan air sakral ini tertakluk kepada penjenisan upacara umpamanya untuk upacara padi dan perkahwinan mempunyai erti yang berbeza. Oleh itu, penggunaan air secara simbolik akan berubah dari satu ritual kepada ritual yang lain. Kebiasaannya penggunaan air sakral ini hanya akan menjadi realiti dengan merendammkannya bersama dengan beberapa jenis tumbuhan yang dianggap sakral dan mempunyai kuasa tertentu yang telah digunakan sejak dahulu lagi. Di antara tumbuh-tumbuhan yang telah dikenal pasti dalam masyarakat Kadazan seperti *Tagandap*, *Hisang*, *Boibi*, *Guoh*, *Tongkuangoh*, *Dompu*, *Tutumatak* dan lain-lain lagi. Penggunaan tumbuhan ini

berubah daripada satu ritual ke ritual yang lain tertakluk kepada keperluan dan kehendak spesialis ritual yang mengendalikan upacara ritual tersebut.

iv) Pedang (*Ceremonial sword*)

Pedang merupakan salah satu daripada objek yang tidak kurang pentingnya kepada *Bobohizan* semasa melakukan upacara yang penting. Ia merupakan pedang yang mempunyai sarung yang panjang dan diukir dan dibungkus dengan kain dan kadangkala pada pemegangnya akan diikat dengan rambut manusia. Dikatakan bahawa rambut ini daripada pahlawan masyarakat Kadazan yang terlibat dengan pemotongan kepala. Oleh sebab beliau dianggap sebagai pahlawan, maka rambutnya telah digunakan untuk menghiasi pedang tersebut. Semasa upacara ritual dijalankan, pedang ini berfungsi sebagai objek yang berkuasa yang boleh menghalau semangat-semangat jahat serta menakut-nakutkan mereka agar tidak lagi mengganggu kehidupan manusia.

v) Tangkaba (Bambu)

*Tangkaba* merupakan sebatang bambu sembilang yang diambil khusus semasa melakukan upacara ritual yang dipanggil acara *magampa*<sup>50</sup> di mana semasa proses ini *Bobohizan* akan mengetuk-ngetuk *tangkaba* dengan pedang di atas sekelompok manusia yang berkumpul dan ditutupi dengan kain sambil berpusing-pusing. Objek ini digunakan sebagai alat untuk menghalau dan menakutkan semangat jahat yang merasuk ke dalam badan manusia dan membuang segala penyakit serta segala malapetaka yang akan dipercayai akan menimpa mereka kelak. Menurut seorang *Bobohizan*, *tangkaba* juga boleh menghalau hantu dan menjadi satu kemestian untuk disimpan di rumah untuk digunakan bila-bila masa.

vi) Sovion (Bakul)

Ia merupakan sebuah bakul kecil yang berbentuk bulat dan bertutup. Kebiasaannya bakul ini digunakan untuk mengisi pelbagai alat ritual yang digunakan oleh *Bobohizan* semasa melakukan upacara ritual. Bakul ini diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain sebagai sebahagian daripada pusaka yang dimiliki oleh para *Bobohizan*.

vii) Sinikod (*Headdresses*)

Ia merupakan hiasan kepala yang diperbuat daripada kulit daun pinang dan dibungkus dengan kain berwarna-warni dan dihiasi dengan manik-manik dan bulu ayam. Kadangkala ia juga dipanggil sebagai sigar. Ketinggian sigar ini tertakluk kepada saiz kepala dan kebiasaannya satu kaki dan hanya dipakai semasa mengadakan upacara ritual yang tertentu sahaja. Alat ini hanya boleh dibuat semasa hendak mengadakan upacara ritual sempena berpindah ke rumah baru. Adalah dipercayai si pemakai alat ini akan kelihatan lebih berani dan gagah lagi apabila bertembung dengan semangat di alam ghaib. Mereka yang layak memakai sigar adalah terdiri daripada para *Bobohizan Bohungkitas* sahaja.

viii) Muzik Ensembel (Sompongogungan)<sup>51</sup> dan tarian Sumazau

Ensembel *Sompogungan* dianggap sebagai alat yang penting semasa melakukan upacara ritual dan sebagai pelengkap pada acara kemuncak iaitu semasa memanggil dan menghidangkan jamuan kepada semangat. Sekiranya gong dan gendang<sup>52</sup> dipalu ia mengikut rentak pukulan tarian *sumazau*. Ia merupakan acara kemuncak kepada ritual tersebut yang menandakan berlakunya interaksi antara *Bobohizan* dengan para semangat yang dijemput dan ia juga bermakna kehadiran mereka diiktiraf oleh semua yang ada di tempat ritual tersebut. Kehadiran mereka adalah untuk menerima jamuan yang dihidangkan yang mana kadang kala ia diselang seli dengan tarian. Namun keadaan ini berlaku secara simbolik sahaja. Dalam segmen ini dipercayai interaksi di antara *Bobohizan* dan semangat-semangat akan dan sedang berlaku di mana ini menandakan proses satu proses komunikasi dengan manusia.

Gong dan gendang ini dipanggil sebagai ensembel *sompogogungan* yang mengandungi 6 biji gong (idiophones) yang digantung dan sebuah gendang (membranophones).<sup>53</sup> Penjenisan gong adalah terdiri daripada 3 biji gong jenis nipis yang di panggil *canang* dan 3 biji gong lebar dan tebal yang dipanggil *tawag*. Gong-gong ini dipercayai dibuat sama ada di selatan Filipina ataupun di Brunei. Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat gong adalah berbeza-beza sama ada daripada logam seperti tembaga, besi ataupun campuran. Adalah dipercayai bunyi gong yang paling baik dipanggil *mi'angkung* yang diperbuat daripada tembaga yang bermutu tinggi. Sekiranya gong tersebut adalah jenis yang berkualiti tinggi, ia diukur mengikut beratnya serta campuran pembuatan gong tersebut. Adalah dipercayai bahawa gong yang bercampur emas dikenali sebagai gong *Kimanis*, iaitu buatan dari negara Brunei yang merupakan gong yang berkualiti tinggi.

Gendang ataupun *gandang* memainkan peranan penting dalam pelbagai upacara ritual kerana ia dipercayai mempunyai semangat yang kuat sehingga boleh menyedarkan makhluk-makhluk di alam ghaib. Setiap kali upacara yang penting dilakukan, gendang akan dijadikan sebagai alat penghubung dengan makhluk di alam ghaib. Gendang diperbuat daripada kayu bulat berkualiti tinggi seperti kayuangka atau kayu jenis ringan yang telah dikosongkan isinya. Kemudian kedua-dua muka ataupun penghujung kayu akan ditutup dengan kulit binatang sama ada kulit kancil atau kambing. Pada keliling kulit tersebut akan diikat dengan tali dari rotan dan diselang-seli dengan kayu ataupun pasak yang berfungsi sebagai "tuning pegs" atau untuk tiunan serta menguatkan ikatan bagi mendapatkan nada yang kuat. Sebelah *gandang* dipalu dengan pemukul kayu yang telah disalut dengan lilin lebah atau dengan pelepah kelapa.<sup>54</sup>

Ensembel *Sompogungan* yang terdiri daripada gong-gong gantung dan sebuah gendang ini sangat berpengaruh di dalam masyarakat Kadazan Penampang. Tiap-tiap gong diberi nama tertentu mengikut fungsinya. Nama-nama yang diberi pula berbeza-beza dari kampung ke kampung. Melihat dari arah penonton, penyusunan alat-alat muzik *sompogogungan* dari kanan ke kiri adalah seperti berikut: *gandang*, kemudian gong-gong jenis gantung, iaitu *sasalakan*, *nanangong*, *hahambatan*, *hotungong*, *tontoongan* dan *tatavag*. Tiap-tiap gong tersebut dipalu



dengan pemukul yang berbalutkan lilin lebah ataupun yang dibalut dengan getah. Gong-gong jenis gantung yang agak kecil dalam susunan tersebut dikenali sebagai *sanang* (Bahasa Melayu: canang) di kalangan suku kaum Kadazan Dusun. Gong-gong ini diperbuat daripada tembaga dan berbonggol di tengah-tengah permukaan yang leper dan tepi yang berlekuk dalam serta melengkung ke bawah. Gong-gong yang besar pula merupakan gong-gong berat yang diperbuat daripada tembaga atau gangsa. Gong-gong ini kadang-kadang disebut *tawag* oleh suku kaum Kadazan Dusun dari kawasan pedalaman. Gong-gong ini juga mempunyai tepi yang berlekuk dalam dan ada bonggol yang besar di tengah-tengah permukaan timbul sedikit.<sup>55</sup>

Ensembel *Sompogungan* yang terdapat di dalam sesuatu ritual itu akan diiringi dengan tarian yang dipanggil sebagai *sumazau*. Asalnya tarian ini ditarikan semasa upacara-upacara ritual (keagamaan) dan juga majlis-majlis sosial<sup>56</sup> yang dimulakan oleh *Bobohizan* dan diikuti oleh orang ramai yang ingin bersama-sama menari semasa upacara ritual. Di antara tujuan tarian *sumazau* ini ditarikan dengan iringan paluan gong dan gendang adalah untuk menandakan interaksi di antara manusia dan semangat-semangat di alam ghaib. Interaksi yang berlaku ini menunjukkan bahawa perdamaian berlaku di antara manusia dengan makhluk di alam ghaib dan mereka bersama-sama menikmati jamuan dan sajian yang disediakan. Jamuan yang disediakan tersebut khusus untuk tetamu mereka iaitu makhluk dari alam ghaib. Dengan berlangsungnya upacara menghidangkan jamuan yang pelbagai bentuk seperti ayam bakar, khinzir, tapai, bahar dan lihing menunjukkan bahawa manusia inginkan perdamaian dan simboliknya dilihat kepada *Bobohizan* yang memakan dan meminum sebahagian daripada jamuan tersebut seolah-olah dimakan oleh semangat-semangat dan roh-roh yang tidak boleh dilihat dengan pandangan mata kasar. Para semangat akan berpuas hati dengan hidangan dan sajian yang dipersembahkan kepada mereka dan akan memenuhi permintaan yang diminta oleh *Bobohizan* yang mewakili manusia. Oleh yang demikian, seolah-olah satu perjanjian di antara manusia dan semangat dilakukan secara simbolik.

Kehadiran para semangat ini ditandai dengan gong dan gendang dipalu mengikut irama tarian *sumazau*. Ia menandakan acara kemuncak kepada upacara ritual yang dijalankan dan menandakan interaksi antara manusia dan para semangat tersebut sedang berlangsung dan menunjukkan bahawa pengiktirafan kepada kehadiran semangat-semangat yang telah dijemput atau dipanggil sebelum ini melalui rinait-rinait yang dilafazkan. Oleh itu semangat-semangat yang dijemput khas ke upacara tersebut akan menerima jamuan yang dihidangkan dan kadangkala ianya diselang-seli dengan tarian secara simbolik sahaja.

### **PERANAN BOBOHIZAN**

Masyarakat Kadazan tradisional mempercayai bahawa *Bobohizan* memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian dan memerlukan bantuan dan peringatan mereka sebagai pengantara perhubungan mereka dengan alam ghaib. Ini kerana semangat-semangat sentiasa mempengaruhi kehidupan masyarakat Kadazan dan sentiasa mengganggu manusia dengan menimbulkan pelbagai bencana

dan penyakit serta kematian. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Kadazan sangat menghormati akan semangat dan kuasa-kuasa di alam ghaib dan akan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditentukan. Jika sekiranya berlaku sesuatu yang mengganggu kehidupan seperti kesusahan, kecelakaan, kemalangan mimpi jahat dan lain-lain yang tidak menyenangkan kehidupan mereka, maka mereka akan meminta khidmat *Bobohizan* untuk mencari jalan memperbaiki agar keadaan kembali kepada keadaan asal dan terkawal.

Kebiasaannya khidmat seseorang *Bobohizan* bukan sahaja tertumpu kepada kawasan kampungnya sahaja tetapi hingga keluar dari kawasan kampung dan lain-lain daerah. Jika seseorang memerlukan khidmat seseorang *Bobohizan* beliau akan melakukan *magambi*<sup>57</sup> iaitu mengunjungi ke rumah *Bobohizan* dan memberitahu tujuan mereka. Maka temu janji akan ditetapkan berdasarkan keperluan dan persetujuan kedua-dua pihak iaitu kehendak klien dan persetujuan serta peraturan oleh *Bobohizan*. Maka *Bobohizan* akan menetapkan hari dan keperluan yang perlu dibuat oleh kliennya berdasarkan jenis ritual yang perlu dikendalikan oleh beliau. Kebiasaannya selepas kliennya pulang *Bobohizan* akan bertanya kepada *komboungoh* mengenai apakah penyakit dan apakah yang perlu dilakukan serta hari apakah yang baik baginya untuk melakukan pengubatan ke atas penyakit yang dihadapi oleh klien tersebut. Ia baik dilakukan selepas makan malam. Kebiasaannya mereka akan mendapat jawapan dan diberi petunjuk bagaimana untuk mengubati ataupun mengendalikan upacara tersebut. Proses seterusnya mengadakan upacara adalah di mana klien akan menyediakan pelbagai persediaan untuk upacara tersebut seperti mana yang telah ditetapkan oleh *Bobohizan* semasa proses *magambi* dilakukan oleh klien. Ketetapan masa dan waktu adalah sangat penting kerana ini diserapkan dengan adat-tradisi penjenisan upacara yang hendak dilakukan dan ini termasuklah penjenisan alat-alat dan hidangan yang diperlukan juga berdasarkan jenis ritual yang diadakan.

Seperti yang telah dinyatakan peranan *Bobohizan* di dalam masyarakat Kadazan adalah sangat besar dan ia mempengaruhi setiap aspek kehidupan masyarakat Kadazan tradisional dan juga mereka yang mengamalkan kehidupan yang berpegang kepada kepercayaan animisme. Antara peranan mereka dapat diringkaskan seperti berikut:

i. Aspek sistem undang-undang tradisi dan penguat kuasa pantang-larang

Meskipun *Bobohizan* dalam masyarakat Kadazan tradisional lebih dikenali sebagai *spirit medium* atau perantaraan manusia dan alam supernatural, namun pada hakikatnya peranan *Bobohizan* tidak terhad kepada menguatkuasakan pantang larang tetapi juga sebagai penasihat dalam menguatkuasakan adat yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakatnya melalui penghormatan dan kewibawaan yang dimiliki berdasarkan perakuan yang diberikan oleh masyarakat terhadap *Bobohizan*. Kawalan dilakukan melalui peringatan, penasihat serta tunjuk-ajar kepada masyarakat Kadazan. Misalnya, ada perkara-perkara yang berlaku yang tidak dapat diselesaikan maka masyarakat akan bertanya kepada mereka bagaimana menyelesaikan masalah

tersebut. Sekiranya melibatkan perkara melanggar adat yang menjadikan perhubungan yang tidak seimbang dan dikatakan sebagai dunia tidak seimbang maka mereka mempunyai kuasa untuk mengimplementasikan pantang-larang di kalangan masyarakat mereka. Pantang-larang ini terdiri daripada pelbagai bentuk dan tatacara, sekiranya ada di antara mereka melanggar adat maka *Bobohizan* bertanggungjawab untuk menjatuhkan hukum dalam bentuk *sogit* ataupun *ritual fine* terhadap mereka. Secara langsung *Bobohizan* memainkan peranan penting untuk menentukan pelbagai pantang-larang yang perlu dilaksanakan untuk memastikan keadaan dunia yang stabil dan teratur.

ii) Aspek sosial dan kawalan sosial

Salah satu aspek kepentingan *Bobohizan* dalam kepercayaan tradisional ini ialah dengan mengingatkan masyarakatnya supaya sentiasa mematuhi kawalan sosial yang telah terbentuk dalam masyarakat. Secara tidak langsung *Bobohizan* menjadi satu fungsi yang mengukuhkan lagi amalan dan kepercayaan tradisi masyarakat Kadazan tradisional. Di antara upacara-upacara ritual yang dilakukan oleh *Bobohizan* dalam aspek sosial dan kawalan sosial di kalangan masyarakat Kadazan tradisional adalah seperti dalam upacara-upacara yang ada kaitan dengan pengimbangan dengan dunia nyata dan alam ghaib iaitu untuk mengekalkan keharmonian di antara manusia dan alam supernatural ataupun menyejukkan keadaan dan membuang yang panas. Upacara lain yang ada kaitan dengan aspek sosial adalah seperti memberkati perkahwinan, merasmi rumah baru, meraikan bayi yang baru lahir, memperingati kematian dan membuang mimpi buruk dan kesan negatifnya, mengejar roh manusia yang dipercayai telah lari akibat kemalangan, semasa berjalan ke hutan dan sebagainya.

iii) Aspek keselamatan dan penyembuhan pelbagai penyakit

Aspek ini *Bobohizan* memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan dan menjalankan tugas untuk membantu masyarakat sekelilingnya mengubati penyakit-penyakit. Mereka digelar sebagai pakar dan arif tentang mengubati pelbagai penyakit termasuklah jenis penyakit sama ada dianggap penyakit yang teruk dan sederhana. Suatu ketika dulu mereka digelar sebagai bomoh kampung kerana kebolehan mereka bukan sahaja dalam bidang pengendalian upacara ritual tetapi dalam bidang ubat-ubatan tradisi yang menggunakan daun-daun dan akar-akar kayu serta lain-lain lagi. Kepakaran mereka dalam bidang melahirkan bayi ataupun sebagai bidan kampung juga diiktiraf. Ini termasuklah peranan mereka untuk mengendalikan upacara majlis kesyukuran sempena kelahiran bayi tersebut. Sekiranya seseorang mendapat sakit dan tidak dapat diubati maka *Bobohizan* bertanggungjawab untuk mengubati si pesakit dan akan melakukan upacara ritual untuk memastikan apakah penyakit yang dihadapi sekiranya dipercayai rohnyanya telah diganggu oleh semangat-semangat jahat.

iv) Aspek ekonomi

Bidang pertanian merupakan sumber ekonomi utama masyarakat Kadazan tradisional di mana rata-ratanya satu ketika dahulu masyarakat ini mengamalkan sistem pertanian bertanam padi huma dan sawah. Sekiranya sesuatu tanah baru yang dibuka dan dibersihkan untuk pertanian maka *Bobohizan* memainkan peranan penting untuk mengendalikan upacara ritual kerana dipercayai tempat ini telah didiami oleh makhluk-makhluk asing dari alam ghaib. Di sini kepakaran mereka amat diperlukan untuk menghubungkan petani dengan makhluk tersebut bagi memohon kebenaran untuk meneruskan kerja-kerja pembukaan ladang, mengelakkan pokok padi diserang penyakit dan juga tidak mengganggu peladang semasa melakukan kerja-kerja di ladang. Peranan mereka juga merangkumi aspek-aspek pengaturcaraan pelbagai proses ritual untuk penanaman padi sehinggalah selesai iaitu untuk upacara kesyukuran kerana mendapat hasil yang lumayan. Sekiranya upacara ini tidak diadakan maka dipercayai penghasilan padi dan lain-lain penanaman tidak akan banyak hasilnya.

v) Aspek politik dan kewibawaan

Penglibatan *Bobohizan* dalam bidang politik sememangnya tidak dapat dinafikan lagi berdasarkan peranan mereka sebagai salah satu daripada pemimpin masyarakat seperti mana yang telah dibincangkan di atas. Secara tidak langsung mereka boleh mempengaruhi pembentukan, kepincangan dan kemakmuran masyarakat mereka. Sebagai contohnya di masa dahulu sebelum pahlawan mereka yang di panggil *Pangazou*<sup>58</sup> pergi ke medan perang, terlebih dahulu mereka akan meminta nasihat dan ramalan *Bobohizan* mengenai pelbagai strategi dan aspek peperangan serta memohon memberikan doa-restu dan semangat melalui mantera dan jampi. Selain daripada itu sekiranya berlaku bencana alam dan fenomena-fenomena dunia yang ganjil mereka merupakan tempat dirujuk dan memberi tafsiran kepada perkara-perkara ini dan memberikan keputusan bagaimana mengatasi perkara-perkara ini. Kewibawaan mereka untuk menghubungi makhluk-makhluk di alam ghaib telah menonjolkan kewibawaan dan karisma mereka sebagai seorang pemimpin apabila dapat mengawal, mereda dan mengimbangkan lagi keadaan.

## **KESIMPULAN**

*Bobohizan* masa kini mengalami pelbagai proses perubahan yang drastik di mana peranan dan perkhidmatan mereka tidak lagi diiktiraf oleh generasi masa kini. Keadaan ini berlaku kerana cara hidup dan pemikiran telah berubah apabila adanya pengaruh pengembangan agama Kristian dan Islam, perubahan dalam penjanaaan sistem ekonomi, perkembangan pembangunan infrastruktur, kaedah perubatan moden yang kesannya lebih cepat dilihat, pendidikan moden dan juga pengaruh budaya barat. Proses perubahan ini tidak dapat dielakkan lagi, atas sebab ini permintaan dan keperluan untuk melakukan upacara ritual sudah berkurangan dan tidak lagi diperlukan. Penolakan ini secara tidak langsung akan menghapuskan peranan mereka di mana mereka tidak lagi dihargai dan hanya wujud sebagai simbol kepada warisan budaya mereka sahaja.

Apabila seseorang *Bobohizan* telah menjangkau usia yang telah lanjut, daya

ketahanan badannya secara mental dan fizikal adalah terlalu lemah dan tidak dapat menembusi ke alam *supernatural* khasnya semasa dalam proses menghubungi makhluk-makhluk di alam ghaib semasa ritual-ritual tertentu di lakukan. Ini disebabkan dalam menjalankan setiap peringkat ritual, mereka memerlukan stamina yang kuat kerana perlu berhadapan dengan semangat-semangat yang tertentu dan ada kala mereka terpaksa berlawan dengan semangat-semangat tersebut khususnya semangat-semangat jahat. Ini merupakan salah satu daripada penyebab penglibatan di kalangan para *Bobohizan* dalam mengendalikan upacara berkurangan kerana hampir semua daripada mereka adalah daripada golongan yang telah lanjut usianya.

Hasil dari temu bual dengan *Bobohizan* menunjukkan bahawa peranan mereka telah berkurangan dengan ketaranya dan hanya beberapa ritual sahaja yang masih aktif dan diamalkan oleh masyarakat mereka. Ini dapat dilihat berdasarkan pada abad kini di mana tidak ada lagi generasi muda yang berminat untuk menjadi *Bobohizan*. Mereka juga meluahkan bahawa pihak mereka telah kalah untuk meneruskan perjuangan amalan mereka. Peranan mereka akan berakhir untuk meneruskan perjuangan ini sebagai *Bobohizan* di abad ini. Kini khidmat mereka hanya sebagai simbol kepada peninggalan nenek-moyang mereka. Segmen-segmen ritual yang dilakukan seperti semasa Pesta Kaamatan akan dilakukan oleh mereka yang bukan pakar ritual yang dianggap sebagai aktor dan aktres. Ia lebih merupakan persembahan sahaja dan tidak mengandungi *religious value* atau tidak signifikan dari segi keagamaan yang diamalkan sejak zaman nenek-moyang lagi. Manakala ada di kalangan para *Bobohizan* menjelaskan sekiranya khidmat mereka tidak lagi diperlukan bukan sahaja mereka sahaja yang rugi tetapi juga kepada makhluk-makhluk di alam ghaib. Ini kerana pihak mereka sudah tidak akan dapat berkomunikasi dengan manusia lagi dalam konteks ritual yang sebenarnya. Secara langsung hubungan dengan kedua-dua pihak akan terputus dan keadaan ini juga akan mengakibatkan kerugian pada kedua-dua belah pihak.

Pada masa kini bilangan *Bobohizan* di daerah Penampang adalah lebih kurang 10 orang sahaja dan hanya sebilangan sahaja yang masih aktif untuk melakukan upacara selain dijadikan sebagai simbol untuk identiti warisan budaya masyarakat Kadazan khasnya semasa perayaan Kaamatan di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan. Ada para *Bobohizan* merasakan bahawa usaha mereka hanya diperlukan untuk tujuan perayaan sahaja dan bukan dilakukan dengan sepenuhnya iaitu menurut keperluan keagamaan umpamanya semasa upacara *Magavau*<sup>59</sup> yang mana kebiasaannya upacara ini dilakukan di sepanjang hari dengan penuh semangat iaitu dilakukan dari petang sehingga jauh malam. Manakala ada di kalangan para *Bobohizan* menyatakan bahawa di masa hadapan peranan mereka akan dilakukan oleh mereka yang tidak berlatar-belakangkan daripada Institusi *Bobohizan* yang mana pada anggapan para *Bobohizan* mereka merupakan aktor dan aktres yang membuat persembahan semata-mata. Ritual-ritual yang dikendalikan oleh mereka hanya akan menjadi ralik dan dipentaskan sebagai tontonan umum untuk memperingati warisan budaya mereka yang satu ketika dulu merupakan sesuatu yang di anggap sakral, suci dan murni.

## NOTAHUJUNG

- 1 *Bobohizan* merupakan pengantara “Spirit Medium” antara manusia yang berada di alam fizikal dengan semangat yang berada di alam ghaib bagi daerah Penampang.
- 2 Merujuk kepada suku kaum yang berasal dari daerah Penampang dan merupakan daripada kelompok masyarakat Kadazandusun.
- 3 Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Daerah Pentadbiran Dan Wilayah Persekutuan Labuan, di dalam *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2003*, Sabah: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Helaian lampiran.
- 4 Istilah yang digunakan untuk sekumpulan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai sub-etnik yang mempunyai persamaan dari segi bahasa, gaya dan cara hidup tetapi menggunakan dialek yang berbeza.
- 5 Tylor, E.B., *Primitive Culture: Researchers Into the Development of Civilization*, J. Murray, London, 1871, hal. 1.
- 6 Merujuk kepada sekumpulan *Bobohizan* yang dikenalpasti sebagai Penasihat mengenai adat dan amalan-amalan ritual.
- 7 Lasimbang, Rita, “Exploring The Art of the Bobohizan-Keeper of Kadazan Rituals and Chants”, Kertas Seminar Yang Dibentang Di Borneo Research Council: 7th Biennial International Conference (15-18 Julai 2002), Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, hal.2-3.
- 8 Pencipta dan tuhan masyarakat Kadazan.
- 9 Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi.*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 128.
- 10 Arena Wati, *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan Dalam Konteks Kepercayaan, Kultus Dan Hukum Adat Di Sabah*, Yayasan Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, 1978, hal. 10.
- 11 Drury, Nevill, *Shamanism: An Introductory Guide To Living In Harmony With Nature*, Elemen Books Limited, Great Britain, 2000, hal. 17.
- 12 Vitebsky, Piers, *The Shaman: Voyages of the Soul Trance, Ecstasy and Healing From Siberia To The Amazon*, Macmillan Reference Books a division of Macmillan Publishers Limited, London, 1995, hal. 10.
- 13 Rutherford, Leo, *Thorsons Way Of Shamanism*, Martins the Printers Limited, Great Britain, 1996, hal. 7.
- 14 Lucy Mair, *Anthropologi Sosial: Permulaan*, terj. Azemi Salim, Dewan Bahasa Dan

Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hal. 223.

15 Linton, Ralph, *The Study of Man*, Appleton Century, New York, 1936.

16 Norazit Selat, Op.cit., hal. 75.

17 Appell, George, "Social Anthropological Research Among The Rungus Dusun: A Talk For the Sabah Society", dalam *Sabah Society Journal* (volume VIII, Number 2), The Sabah Society, Kota Kinabalu, 1986.

18 Suku Rungus merupakan Suku kaum yang menetap di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas dan merupakan salah satu daripada sub-etnik Kadazandusun.

19 Istilah yang digunakan untuk seorang Pengantara yang digunakan di daerah Tambunan, Keningau, Ranau dan beberapa kawasan di daerah Kota Belud, Telupid serta daerah Kinabatangan dan Beluran.

20 Istilah yang digunakan untuk seorang pengantara di daerah Keningau, Tenom, Beaufort, Kuala Penyu dan Membakut.

21 Istilah yang digunakan untuk pengantara di daerah Kudat dan Kota Marudu.

22 Istilah yang digunakan untuk memanggil seorang pengantara di daerah Tuaran untuk spesialis ritual wanita manakala di Kota Belud ia merujuk kepada spesialis ritual lelaki.

23 Panggilan spesialis ritual ataupun pengantara di daerah Nabawan, Tenom, Kemabong dan Pensiangan untuk gelaran spesialis ritual lelaki dan perempuan.

24 Panggilan spesialis ritual lelaki di daerah Kuala Penyu.

25 Istilah ataupun panggilan untuk pengantara ataupun spesialis ritual perempuan di daerah Kuala Penyu khususnya untuk upacara *Moginom*

26 Panggilan untuk spesialis ritual di daerah Keningau di kalangan suku kaum Murut Limbawan.

27 Istilah untuk spesialis ritual di daerah Semporna di kalangan suku kaum Bajau Laut

28 Hanafi Hussin, "Kuasa Padi Dalam Amalan Budaya Kita Secara Ringkas", dalam *Karnival Kebudayaan*, (ed. Noni J. Said & Judeth John Baptist). Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 2003, hal. 13.

29 Panggilan untuk Pencipta ataupun tuhan masyarakat Kadazan di daerah Penampang.

30 Hanafi Hussin, "Mitos Dan Legenda Kadazandusun Dan Hubungannya Dengan Tradisi Padi: Rujukan Masyarakat Kadazandusun Penampang, dalam *Karnival Kebudayaan*, (ed. Noni J. Said, Judeth John Baptist), Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 2003, hal. 22-25.

- 31 Williams, Thomas Rhys, *The Dusun: A North Borneo Society*, Holt, Rinehart and Winston, United States of America, 1965, hal. 19.
- 32 Inai Losimin merupakan *Bobohizan* yang tinggal di Kampung Kituou, Penampang, Sabah. Seorang *Bobohizan* yang masih aktif membantu masyarakat Kadazan di daerah Penampang dalam adapt, pengubatan dan juga ritual. Beliau merupakan informan utama di dalam penyelidikan tentang *Bobohizan* Penampang. Pada bulan September 2001, beliau sendiri juga mengadakan upacara *Monogit* iaitu upacara untuk memuja semangat padi di sawah dan juga untuk *miontong* iaitu semangat di rumah.
- 33 Seseorang yang arif dalam undang-undang tradisi dan adat-istiadat masyarakat Kadazan dan sering kali dijadikan sebagai tempat merujuk hal-hal kampung yang ada kaitan dengan tradisi dan adat.
- 34 *Inait* atau *rinait* merupakan mantera ritual yang dipelajari melalui ingatan oleh para *Bobohizan*. Ia merupakan bahasa yang digunakan oleh *Bobohizan* untuk berkomunikasi dengan kuasa *supernatural*.
- 35 Proses menghantar haiwan dan dikorbankan di hutan untuk sajian para semangat.
- 36 Semangat ataupun roh manusia.
- 37 Firth. Raymond, *Rank And Religion In Tikopia: A Study In Polynesian Paganism And Conversion To Christian*, George Allen & Unwind Ltd., London, 1970.
- 38 Mewakili bahagian dataran yang kurang pembangunan dan berhampiran dengan kawasan bukit.
- 39 Tarian tradisi masyarakat Kadazan yang dipersembahkan semasa upacara ritual dan majlis-majlis keramaian
- 40 Panggilan untuk spesialis ritual yang lebih pandai dan terkenal dengan kuasa-kuasanya.
- 41 Proses ritual yang boleh disatukan di antara *Bobohizan* daripada kategori *Tanga'ah* dan *Kadazan*. Semasa proses ini mantera yang digunakan adalah sama.
- 42 Merujuk kepada penjenisan kenderaan (Imaginary boat) dalam bentuk perahu *Bobohizan* apabila melakukan upacara ritual dan ianya dihuraikan dalam bentuk mantera sahaja.
- 43 Kawasan atas langit dan dipercayai tempat semangat-semangat baik dan jahat menetap.
- 44 Koentjaraningrat, *Penghantar Ilmu Antropologi*, Aksara Baru, Jakarta, 1981, hal. 251.
- 45 Semangat yang berfungsi sebagai pengantara untuk memanggil penolong-penolongnya daripada alam ghaib dan pembantu ini tertakluk kepada penjenisan ritual.



46 Peralatan ritual yang wajib digunakan oleh para *Bobohizan* di sepanjang ritual pada segmen-segmen tertentu yang merupai loceng yang diperbuat daripada kepingan besi ataupun logam.

47 Pengeras ataupun pembayaran kepada para *Bobohizan* selepas melakukan upacara ritual dalam wang, duit syiling.

48 Perantara atau penghubung kepada Pencipta mereka iaitu *Minamangun*.

49 Tempat Pencipta mereka menetap dan terletak di kawasan yang paling atas di atas awan.

50 Segmen ritual yang mana para keluarga yang mengendalikan ritual akan dikumpulkan dan ditutup dengan kain ataupun selimut. Semasa proses ini *Bobohizan* akan melakukan upacara menghalau penyakit dan segala sial yang terkena kepada keluarga tersebut daripada badan mereka iaitu mengelilingi sambil melafazkan mantera dengan memegang pedang dan kayu bambu.

51 Ensembel muzik yang terdiri daripada gong yang di panggil *sasalakan*, *nanangong*, *hahambatan*, *hotungong*, *tontoongan* dan *tatavag* dan gendang. Set ini dipanggil *sompogogungan*

52 Ini dianggap sebagai peralatan yang penting semasa melakukan upacara ritual dan sebagai pelengkap pada acara kemuncak acara iaitu semasa memanggil dan menjamui jamuan kepada semangat. dijadikan alat sebagai penghubung kepada makhluk di alam ghaib. Manakala sekiranya gong dan gendang dipalu mengikut rentak pukulan tarian *sumazau* merupakan acara kemuncak dan berlakunya interaksi dan mengiktiraf kehadiran semangat-semangat yang dijemput khas ke upacara ini untuk menerima jamuan yang dihidangkan dan kadangkala ianya diselang-seli dengan tarian secara simbolisme sahaja.

53 Charuchuk, Irene-Benggon & Padasian, Janet, *Cultures, Customs And Traditions of Sabah, Malaysia: An Introduction*, Sabah Tourism Promotion Corporation, Kota Kinabalu, 1992, hal. 51-55.

54 Matusky & Sooi Beng, *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat Dan Sinkretik*, The Asian Centre & Akademi Seni Kebangsaan, Pulau Pinang & Kuala Lumpur, 1997, hal. 142.

55 *Ibid*

56 Judeth John Baptist & Hanafi Hussin "Traditional Dances of Sabah" Dlm. *Karnival Kebudayaan* (ed. Noni J. Said, Judeth John Baptist), Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 2003, hal. 30.

57 Dalam bahasa Kadazan bererti membuat temu janji dan akan ditetapkan berdasarkan keperluan persetujuan kedua-dua pihak dan kehendak klien *Bobohizan*.

58 Pahlawan Kadazan zaman dahulu yang berperanan untuk berperang dengan musuh

dan mengambil kepala mereka sebagai trofi yang disimpan di dalam rumah.

59 Upacara ritual padi yang dilakukan oleh *Bobohizan* selepas sahaja menuai padi. Ritual ini dilakukan selama satu hari. Upacara ini adalah untuk memanggil semangat padi yang dipercayai telah lari, hanyut dan tercicir semasa proses menuai. Setelah dikumpul, dipercayai semangat padi ini akan tersimpan bersama-sama dengan padi di dalam tempat penyimpanan padi.